

## **KAJIAN KESANTUNAN BERBAHASA DALAM KALANGAN REMAJA KINI**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2008**

## PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

04.04.2008

SALINAH BINTI ABDUL KADIR

M20051000003

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam. Bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu wataala kerana telah mengurniakan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan atas tunjuk ajar dan keprihatinan beliau dalam memastikan pelajar-pelajar di bawah seliaan beliau dapat menamatkan pengajian diperingkat sarjana dengan jayanya. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Fakulti Bahasa yang sedia memberikan perkhidmatan dan maklumat yang berkaitan dengan pengajian yang diperlukan oleh pelajar.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada suami tersayang yang memberikan sokongan serta semangat agar saya terus belajar. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada ibu bapa, adik-beradik, Ustazah Norlela, Kak Najah Raihan serta rakan-rakan sekuliah yang sentiasa membantu dan memberi perangsang kepada saya. Tanpa kehadiran semua pihak ini dalam hidup saya, amat sukar untuk saya menyempurnakan disertasi ini.

Salinah Binti Abdul Kadir  
M20051000003  
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim.

4 April 2008

## ABSTRAK

Kesantunan berbahasa merupakan satu aspek yang utama dalam kehidupan masyarakat Melayu. Interaksi komunikasi yang baik dengan menggunakan bahasa yang santun mencerminkan keperibadian penutur. Jika bahasanya halus, santun dan sopan, halus dan mulialah keperibadian orang itu. Setiap individu dalam masyarakat mesti tahu dan mengamalkan kesantunan berbahasa ini tidak kira dalam situasi formal atau tidak formal. Pemupukan, penghayatan dan penggunaan bahasa yang sopan dalam masyarakat hendaklah sentiasa ditekankan kerana amalan ini melambangkan budaya tinggi.

Dalam kepesatan negara mencapai pemodenan material seperti kehebatan bangunan-bangunan pencakar langit, bangunan-bangunan kerajaan, kemodenan pusat membeli-belah dan sistem lingkaran lebuhraya yang setanding dengan negara-negara maju, masyarakat semakin alpa dengan nilai budi bahasa dan sopan santun. Masyarakat negara ini menjadi tidak yakin dengan kemampuan bahasa sendiri iaitu bahasa Melayu dan nilai-nilai yang terdapat di dalam bahasa Melayu. Mereka semakin mengabaikan penanda-penanda santun di dalam bahasa Melayu semasa bertutur malah golongan remaja turut menjadi mangsa keadaan kerana golongan dewasa tidak memberi penekanan terhadap penggunaan bahasa yang santun kepada mereka. Masyarakat harus sedar bahawa yang menjadi tonggak kemajuan bangsa adalah bahasa. Tanpa bahasa kita tidak mungkin dapat mencapai kemajuan seperti yang kita nikmati sekarang. Ketinggian sesuatu bangsa diukur melalui ketinggian bahasa yang digunakan justeru pendidikan kesantunan berbahasa terhadap golongan remaja perlu diberi perhatian oleh masyarakat kerana golongan ini adalah pelapis kepada barisan kepemimpinan yang wujud sekarang dan pewaris cendekiawan-cendekiawan negara yang akan menjadi tunjang perkembangan tamadun bangsa.

Sehubungan dengan itu, kajian yang dilaksanakan meneliti aspek kesantunan berbahasa yang diamalkan dalam kalangan remaja kini yang merangkumi persoalan-persoalan seperti bentuk-bentuk kesantunan berbahasa yang diamalkan oleh remaja, adakah remaja mempunyai subbudaya sendiri dalam mengamalkan santun bahasa dan bentuk-bentuk santun bahasa yang baik diamalkan serta kaedah yang berkesan bagi menyerapkan santun bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu.

Pengkaji telah mendapatkan data yang diperoleh dengan mengadakan ujian penulisan dialog ringkas oleh pelajar. Dalam masa yang sama pengkaji juga memperoleh data melalui perhatian terhadap komunikasi pelajar untuk membuat satu generalisasi terhadap amalan kesantunan berbahasa remaja. Berdasarkan data-data tersebut pengkaji telah membincangkan secara terperinci terhadap dapatan kajian yang menggambarkan amalan kesantunan berbahasa remaja Melayu. Pengkaji juga mencadangkan santun bahasa yang sepatutnya diamalkan oleh remaja dan seterusnya mencadangkan kaedah-kaedah yang sesuai digunakan dalam pengajaran kesantunan berbahasa kepada pelajar. Oleh itu, cadangan yang diberikan adalah agar kajian lanjutan berkaitan dengan kesantunan berbahasa lebih menyeluruh perlu dilaksanakan.

## ABSRACT

Courtesy in using languages is the main aspect in the of the Malay Community. Interaction by communication using polite languages depict the personality of a speaker. If the language used is fine and polite, then the personality of that person is fine and respectable too. Each individual in community must know and practice courtesy in using languages formally or informally. Fostering, appreciates and using the language courteously in the community must always be stressed because this practice symbolises greatness of the culture.

With the rapid growth of material gain in the country such as awesome skyscrapers, government buildings, shopping complexes and the super highway which are as advance as other countries, the community tend to forget the qualities of decent manners and politeness. The people of this country lack confidence in using the national language an the values content in it. They have neglected the indicators of politeness found in the language when speaking. The teenagers have become victims of circumstances because the adults do not stress on the usage of polite language to them. The nation should realize that the advancement of a nation depends on the language. Without the national language we might not reach development like we have enjoyed now. The greatness of the race is measured through the greatness of it language used, so, learning of using politeness in languages towards the teenagers need to be given extra care by the society because this group of people are the legacy to the leaders of today and legacy of the nation intelectuals who will be supporters of the people civilization.

Consequently, research which has been carried out stressed on the aspect of politeness in using language which has been practised by the teenagers of today, looking to the languages whether the teenagers have their sub culture in practicing the courtesy in speaking Bahasa Melayu and the methods can be use to absorb courtesy in the teaching of Bahasa Melayu. The data gathered by doing test on writing short dialogues by students. At the same time, researcher have obtained datas through observation on the students' communication to do a generalization on teenagers courtesy in using Bahasa Melayu. Based on those datas, researcher have discussed thoroughly on the results of the research that depict the practice of politeness in using language among Malay teenagers. Researcher have suggested the proper language which is supposed to be practiced by teenagers and also suggested suitable methods can be used to teaching Courtesy in Bahasa Melayu. It is suggested that the further research should be carry out for the future researcher.

## KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Persoalan Kajian	2
1.3 Soalan Kajian	3
1.4 Objektif kajian	3
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Batasan Kajian	4
1.7 Definisi Konsep-konsep Utama yang Berkaitan	4
1.7.1 Kesantunan Berbahasa	
1.7.1.1 Pemilihan Kata	5
1.7.1.2 Kata Panggilan	6
1.7.1.3 Penggunaan Kata Ganti Nama	8

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	9
2.2 Kajian Literatur	9

2.3 Rumusan	11
-------------	----

### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	12
3.2 Reka Bentuk Kajian	12
3.3 Alat Kajian	13
3.4 Populasi	13
3.5 Prosedur Mengumpul Data	13

### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	15
4.2 Aspek-aspek Santun Bahasa dalam Sukatan Pelajaran <small>pustaka.upsi.edu.my</small> Bahasa Melayu Sekolah Menengah (Semakan 2002)	16
4.3 Pengetahuan dan Amalan Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Remaja	17
4.3.1 Aspek Pemilihan Kata	17
4.3.2 Aspek kata Panggilan	21
4.3.3 Aspek penggunaan Kata Ganti Nama	25
4.4 Subbudaya Remaja dalam Mengamalkan Santun Bahasa	28
4.5 Bentuk-bentuk Santun Bahasa yang Baik untuk Diamalkan	33
4.5.1 Institusi Keluarga	34
4.5.2 Institusi Masyarakat dan Masyarakat Umum	36



4.5.3	Institusi Pembelajaran	37
4.6	Penyerapan Santun Bahasa dalam Pengajaran	38
	Bahasa Melayu	
4.6.1	Kesantunan Berbahasa dalam Pengajaran	41
	Tatabahasa	
4.6.2	Kesantunan Berbahasa dalam Pengajaran	42
	Karangan	
4.6.3	Kesantunan Berbahasa dalam Pengajaran	42
	Pemahaman	
4.6.4	Kesantunan Berbahasa dalam Penilaian Lisan	45
4.7	Rumusan	46



## BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	47
5.2	Kesimpulan	47
5.3	Cadangan	49

## BIBLIOGRAFI

## LAMPIRAN





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bahasa adalah alat komunikasi utama manusia. Bahasa digunakan bagi menyampaikan mesej dan menimbulkan hubungan antara satu dengan lain.

Penggunaan bahasa yang baik dan betul adalah penting untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2003: 2) komunikasi bermaksud memindahkan atau menyampaikan mesej daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain. Mesej ialah maklumat yang boleh disampaikan sama ada menggunakan pertuturan, perbuatan, tulisan ataupun lukisan atau gambar.

Komunikasi lahir kerana adanya manusia berfikir dan menyatakan kewujudan dirinya. Kewujudan diri lahir kerana adanya bahasa. Dengan bahasa manusia bertukar-tukar gagasan dan lahirlah komunikasi (Adrik Purwasito, 2003: 105).

Kementerian Pelajaran Malaysia menjadikan kesantunan bahasa sebagai perkara yang disenaraikan dalam sukanan Pelajaran Bahasa Melayu. Objektifnya adalah berbicara bersama rakan tentang hal peribadi, keluarga, jiran, isu semasa,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



perkembangan serantau dan antarabangsa dengan mencirikan bahasa yang santun (Kementerian Pelajaran Malaysia , Semakan 2002).

Yang dikatakan kesantunan berbahasa itu adalah. memberi hormat kepada guru dengan ucapan memberi salam, memberi laluan kepada guru dan menggunakan bahasa tinggi ketika berinteraksi dengan orang lain di sekolah. Oleh sebab itu, guru juga perlu menerapkan kesantunan bahasa semasa mengajar bahasa. Hal ini kerana kesantunan berbahasa mampu membentuk masyarakat yang lebih berbudi bahasa. Kesantunan berbahasa menjadi penentu kekuatan jati diri bangsa dan negara.

## 1.2 Persoalan Kajian

Ada beberapa persoalan kajian. Oleh sebab guru perlu mengajarkan kesantunan berbahasa, maka guru perlulah mengetahui bentuk-bentuk ungkapan bahasa yang santun dan lakuan atau tingkah laku yang dikatakan kesantunan berbahasa. Perkara inilah yang perlu diserapkan dalam pengajaran bahasa Melayu. Pada masa ini, aspek kesantunan bahasa tidak semestinya diketahui oleh guru dengan tidak belajar mengenainya. Di samping itu, konteks budaya dalam masyarakat banyak yang berubah, maka tentulah aspek kesantunan bahasa juga mengalami perubahan. Gejala tidak bersantun ketika berkomunikasi dalam kalangan pelajar sememangnya wujud walaupun tidak dapat ditentukan secara kuantitatif. Unsur negatif tersebut dapat dikesan melalui pertuturan dan tingkah laku tidak sopan pelajar. Sekolah merupakan tempat yang paling sesuai untuk mendidik pelajar tentang aspek kesantunan dan berbudi bahasa selain peranan keluarga dan masyarakat. Guru perlu mengetahui semua ini.





### 1.3 Soalan Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan remaja masa kini. Pengkaji hendak mengetahui sikap remaja Melayu terhadap penggunaan kesantunan berbahasa dan sejauh mana mereka mengamalkan kesantunan berbahasa ini dalam kehidupan mereka. Melalui kajian ini, pengkaji akan mencari jawapan kepada persoalan seperti berikut:-

1. Mengenal pasti dan menyenaraikan ciri-ciri santun bahasa yang dimaksudkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ( Semakan 2002).
2. Adakah para remaja (di sekolah) masa kini mengetahui dan mengamalkan santun yang baik?
3. Adakah remaja di sekolah mempunyai subbudaya sendiri dalam mengamalkan santun bahasa.
4. Apakah bentuk santun bahasa yang baik diamalkan.
5. Apakah kaedah yang berkesan bagi menyerapkan santun bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu?

### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan remaja sekolah. Objektif kajian ini adalah bagi mendapatkan kepastian tentang:

1. Apa aspek santun bahasa yang diajukan oleh Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah ( Semakan 2002).
2. Apa bentuk kesantunan berbahasa remaja yang diamalkan di sekolah.?
3. Sejauh mana remaja memahami dan mengamalkan santun bahasa.





## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting. Hasilnya dapat memperjelas tujuan yang disenaraikan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Dengan demikian, hasil kajian ini dapat membantu guru merancang dan mengajarkan Bahasa Melayu dengan menyerapkan unsur–unsur santun bahasa bersesuaian dengan keperluan pelajar. Hal ini adalah bersesuaian dengan penggunaan bahasa Melayu tinggi yang juga mementingkan santun bahasa. Hakikatnya, kesantunan bahasa adalah penting dalam membina dan memelihara hubungan antara ahli masyarakat yang berinteraksi.

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada satu kelompok populasi, iaitu remaja Melayu di sekolah yang melibatkan seramai 30 orang pelajar yang berusia sekitar 13 hingga 17 tahun iaitu pelajar tingkatan satu hingga pelajar tingkatan lima di Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan. Pemilihan populasi remaja ini dianggap cukup representatif untuk masyarakat remaja Melayu bagi melahirkan hasil kajian yang dapat dipercayai.

## 1.7 Definisi Konsep-konsep Utama yang Berkaitan

### 1.7.1 Kesantunan Bahasa

Santun Bahasa ialah penggunaan bahasa berpandukan peraturan-peraturan tertentu. Pada amnya ada tiga jenis peraturan penggunaan bahasa iaitu peraturan linguistik, peraturan sosiolinguistik dan peraturan pragmatik. Kepatuhan kepada peraturan-





peraturan ini menunjukkan bahasa dan penggunaannya bercirikan santun bahasa (Asmah Haji Omar, 2002: 8-9).

Cara untuk menghormati atau menunjukkan patuh ialah dengan berbudi bahasa iaitu dengan menggunakan bahasa yang halus dan sopan serta tingkah laku yang lemah lembut. Ketiadaan sifat ini dianggap kurang ajar, iaitu satu sifat yang dibenci oleh masyarakat Melayu (Amat Juhari Moain, 1989:181).

Pilihan ganti nama, sistem panggilan, bentuk hormat, bentuk bahasa, sentuhan, taraf sosial, taraf pendidikan, usia dan lain-lain adalah penting semasa menggunakan bahasa yang turut dikenali sebagai tatabahasa sosial ( Abdullah Hassan, 2005: 20).

Kesimpulannya, kesantunan berbahasa merujuk kepada peraturan-peraturan yang terkandung dalam sesuatu bahasa yang perlu dipatuhi. Penutur harus tahu berbudi bahasa dengan membuat penelitian terhadap ganti nama, sistem panggilan, bentuk hormat, bentuk bahasa sentuhan, taraf sosial, taraf pendidikan, usia dan lain-lain semasa berkomunikasi.

### **1.7.1.1 Pemilihan kata**

Dalam pergaulan seharian, pemilihan kata ketika berkomunikasi membayangkan ketinggian nilai kesantunan dalam masyarakat Melayu. Pemilihan kata yang betul dan sesuai dengan suasana dan ketika serta orang yang disapa amat penting agar kehendak penutur dapat direalisasikan oleh pendengar. Hal ini kerana pemilihan kata yang salah mungkin akan menimbulkan rasa kurang senang di hati pendengar dan lebih buruk lagi, pemilihan kata yang salah boleh menyebabkan kemarahan pendengar.

Seseorang penutur haruslah mengenal pasti pangkat dan kedudukan orang yang diajak bereacakap. Dengan adanya golongan pemerintah seperti raja, kaum





bangsawan atau pembesar negeri dan golongan yang diperintah yakni rakyat, terdapat perbezaan laras bahasa yang digunakan oleh kedua-dua pihak. Bagi golongan istana, mereka menggunakan kata-kata seperti santap untuk makan, beradu untuk tidur, gering untuk sakit, bertitah untuk berucap, beta untuk saya dan sebagainya untuk daripada bahasa yang digunakan oleh orang kebanyakan bagi menggambarkan perlakuan-perlakuan mereka yang berbeza.

Perbezaan jantina turut mempengaruhi pemilihan kata dalam hal-hal tertentu seperti kata “cik”, “puan” dan saudari digunakan untuk menyapa orang perempuan manakala orang lelaki disapa dengan menggunakan kata “encik”, “tuan” dan “saudara”. Budaya masyarakat Melayu yang sensitif atau begitu menjaga perasaan orang lain bertujuan mewujudkan keutuhan institusi sosial dan menjaga keharmonian dalam masyarakat.



### 1.7.1.2 Kata Panggilan

Bentuk panggilan ialah perkataan atau ungkapan yang digunakan oleh seseorang untuk memanggil orang yang mendengar atau diajak bercakap (Teo Kok Seong, 2003: 12). Amat Juhari Moain (1989) menjelaskan bahawa dalam masyarakat Melayu ada sistem sapaan dan panggilan yang tertentu. Sistem sapaan dan panggilan berkenaan ada dalam hubungan antara anggota dalam lingkungan keluarga, kaum kerabat, persanakan, dan seterusnya dalam hubungan masyarakat yang lebih besar.

Penggunaan kata panggilan tidak dapat dipisahkan daripada aspek kesantunan berbahasa. Bentuk panggilan terbahagi kepada dua jenis iaitu yang berbentuk formal dan tidak formal. Sistem menyapa seseorang itu selaras dengan kedudukan dan taraf orang yang disapa seperti gelaran jawatan, gelaran kurniaan, rujukan kehormat yang





merupakan sapaan atau panggilan yang berbentuk formal. Bentuk panggilan yang tidak formal pula merujuk kepada panggilan di dalam keluarga.

Seseorang itu harus pandai memilih kata sapaan yang sesuai semasa berkomunikasi dengan individu tertentu. Jika tersalah memilih kata panggilan, mungkin akan wujud suasana yang tidak harmoni di antara kedua belah pihak seperti yang dibincangkan oleh Salinah Ja`afar (2005) dalam esei beliau yang termuat dalam *Jurnal Peradaban Melayu*.

Apabila berinteraksi sesama manusia pula, budaya masyarakat Melayu amat menitikberatkan budi bahasa yang mulia, yakni setiap peringkat umur dan golongan masyarakat yang berinteraksi mempunyai nilai dan etos yang tersendiri. Dalam bahasa sapaan misalnya, hubungan keluarga telah menetapkan bahawa orang yang lebih tua akan dipanggil dengan panggilan tertentu, abang untuk lelaki dan kakak untuk perempuan. Adalah tidak manis sekiranya orang yang lebih tua dipanggil dengan nama sahaja. Begitu juga sekiranya pergaulan terjadi dalam kalangan masyarakat yang lebih tinggi statusnya, sekiranya mempunyai gelaran, maka gelaran harus disebut dengan sopan, misalnya Dato`, cara sebutannya harus sesuai dengan gelaran Dato` itu sendiri. Begitu juga dengan Yang Berhormat, yang Amat Berhormat dan sebagainya, adalah tidak sopan sekiranya seseorang yang bergelar hanya dipanggil dengan namanya sahaja.

(Salinah Ja`afar, 2005: 50)





### **1.7.1.3 Pemilihan Kata Ganti Nama**

Kata ganti nama diri biasanya digunakan apabila kita tidak mahu menyebut nama sebenar orang itu. Kata ganti nama diri boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:

#### **Kata Ganti Nama Diri Pertama**

Contoh :

Saya, aku, beta, kami, -ku

#### **Kata Ganti Nama Diri Kedua**

Contoh:

Awak, kamu, anda, engkau, -kau, kalian, tuanku

#### **Kata Ganti Nama Diri Ketiga**

Contoh:



Menurut Amat Juhari Moain (1989), penggunaan kata ganti nama yang berbagai-bagai ini dapat membezakan antara hubungan kekuasaan dan hubungan kesetiakawanan. Kata ganti nama seperti patik, pacal, hamba, saya beta, aku diperhamba, engkau , tuan hamba, tuanku dan seumpamanya wujud dalam penggunaan tertentu.

